

19 AUG 2001

Uganda-Museveni

DASAR-DASAR EKONOMI G8 DIBIDAS OLEH PEMIMPIN UGANDA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 19 Ogos (Bernama) -- Presiden Uganda Yoweri Museveni membidas Kumpulan Lapan (G8) negara maju kerana mengadakan pertemuan setiap tahun untuk "berkonspirasi bagaimana memerintah dunia" dengan dasar-dasar yang hanya bertujuan memperkayakan diri sendiri menggunakan Dunia Ketiga.

Akibat daripada dasar-dasar ekonomi mudarat seperti itu terhadap negara-negara membangun, Museveni berkata negara-negara Selatan-Selatan terpaksa bertemu setiap tahun "bukan untuk berkonspirasi bagi memerintah, tetapi bagaimana untuk terus hidup di dunia ini," kata beliau apabila merasmikan Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengetuai delegasi yang agak besar ke sini, merupakan antara 600 peserta di pembukaan dialog tahunan itu yang diadakan buat pertama kali di timur benua Afrika. Sebelum ini negara-negara selatan Afrika lazimnya menjadi tuan rumah dialog itu.

Delegasi Malaysia terdiri daripada Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid, tokoh-tokoh korporat, para pegawai tinggi kerajaan, ahli akademik dan wakil-wakil media.

Dialog perkongsian pintar itu atas premis dasar "memakmurkan jiran" adalah gagasan Dr Mahathir dan ia pertama kali dibincangkan di Dialog Antarabangsa Langkawi pada 1995.

Museveni berkata, walaupun mereka sibuk dengan retorik supaya perdagangan global diliberalkan, negara-negara Eropah sebagai contoh masih berpegang kepada dasar-dasar perlindungan seperti yang dapat dilihat melalui peruntukan subsidi yang besar bagi sektor pertanian.

Ini telah menjejaskan negara-negara pertanian seperti Uganda daripada mengeksport hasil mereka ke Eropah dan pasaran-pasaran maju yang lain, kata beliau kepada para hadirin yang berkumpul di Speke Resort di Munyonyo Village, lebih kurang 15km dari ibu negara Uganda.

"Subsidi-subsidi perlu dihapuskan kerana mereka adalah faktor penghalang terbesar dalam perdagangan dan pelaburan terus asing," kata Museveni lagi.

Walaupun negara-negara Afrika mengeluarkan hasil yang lebih kurang sama, mereka tertekan oleh kerana tidak dapat menjual hasil ini kepada negara-negara kaya dan ia juga menghalang perdagangan sesama mereka, katanya.

Ini juga menghalang pelabur-pelabur daripada datang ke Afrika Selatan, kata presiden Uganda itu yang sejak 1986 telah membawa kemakmuran kepada negaranya dengan dasar-dasar pro perniagaan yang diperkenalkan oleh beliau.

Museveni, bagaimanapun berkata, negara-negara membangun perlu meningkatkan daya tarikan masing-masing untuk menarik lebih banyak pelaburan terus asing yang merupakan tema dialog tahun ini.

Semasa ucapannya itu, beliau juga memberi contoh bagaimana ekonomi Malaysia dan Uganda yang kedudukannya hampir sama pada 1960-an, tetapi hari ini pendapatan perkapita Malaysia telah meningkat ke US\$5,000 (RM19,000) sementara bagi Uganda pula ia kurang daripada US\$400.

"Apa terjadi (kepada Uganda)?" tanya beliau.

Museveni menjelaskan yang perbezaan itu berpunca daripada hakikat yang Malaysia memahami dengan baik pentingnya pertumbuhan yang didorong oleh sektor swasta dengan kerajaan menghulurkan sokongan melalui dasar-dasar pro perniagaan yang menggalakkan pelaburan terus asing.

"Tetapi di Uganda dan di lain-lain tempat di Afrika, tindakan

memiliknegarakan dan kerajaan-kerajaan yang tidak memahami perniagaan menghalau pelabur," katanya.

Juga, "jika anda mengecewakan pelabur yang sedia ada, bagaimana pula untuk menarik pelabur baru?" tanya beliau merujuk kepada usahawan-usahawan Asia yang diusir dari Uganda semasa rejim Jeneral Idi Amin antara 1971 dan 1979.

Museveni kini dengan aktif menggalakkan usahawan-usahawan Asia ini, kebanyakannya dari India, supaya pulang ke Uganda dan juga berusaha menarik pelabur dari tempat lain.

Dalam ucapannya, beliau memuji Malaysia yang mempunyai pelbagai kumpulan etnik kerana memperkenalkan dasar-dasar sosio-ekonomi yang menguntungkan semua kaum, yang menurut beliau adalah penggunaan praktikal konsep perkongsian pintar untuk menangani ketegangan kaum pada lewat 1960-an.

"Mengapa kita perlu ada yang menang dan yang kalah? Mengapa tidak semua menang sahaja sepanjang masa dan elakkan situasi di mana ada pemenang dan mereka yang kalah," tanya Museveni.

Pemimpin Uganda itu juga menyeru para perwakilan supaya tidak menganggap perkumpulan itu sebagai pameran perdagangan tetapi mengambil kesempatan daripada dialog perkongsian pintar untuk mewujudkan perangkaian kebangsaan, serantau dan global yang dalam jangka panjang akan menguntungkan perniagaan.

"Jangan harap untuk membuat keuntungan hujung minggu ini," kata beliau secara berseloroh.

Pemimpin-pemimpin lain yang menghadiri dialog itu termasuk Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, Presiden Tanzania Benjamin Mkapa, Presiden Malawi Bakili Muluzi, Presiden Mozambique Joaquim Chissano, Perdana Menteri Namibia Hage Geingob dan Presiden Sudan Jen. Omar el-Bashir.

-- BERNAMA

MR FR SHY PR